

U B180 AAB
MAHATHIR - ANGKARA

KUALA LUMPUR, 16 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI MEMINTA PEKERJA-PEKERJA TEMPATAN SUPAYA TIDAK MEMBUAT ANGKARA YANG BOLEH MENJEJASKAN CITA-CITA NEGARA MENJADIKAN MALAYSIA NEGARA BARU PERINDUSTRIAN (NIC) YANG KELIMA.

PARA PEKERJA JUGA, TAMBAHNYA, PERLU SEDAR TENTANG KERUMITAN YANG MEREKA HADAPI SEMASA MEREKA MASIH BELIA ATAU SEBELUM MENDAPAT PEKERJAAN.

+MALANGNYA APABILA MEREKA MENDAPAT PEKERJAAN, MEREKA PULA LUPA TENTANG PENGANGGURAN. MEREKA MULA LUPA BAHAWA ADA ORANG LAGI YANG MASIH MENGANGGUR DAN AKAN TERUS MENGANGGUR JIKA TIADA PELUANG PEKERJAAN EKORAN ANGKARA YANG MEREKA BUAT+, KATANYA KETIKA MERASMIKAN PUSAT BELIA ANTARABANGSA DI CHERAS, DEKAT SINI.

KATANYA, ANGKARA ITU BUKAN SAHAJA MENAKIBATKAN PENGANGGURAN MALAHAN MENJEJASKAN USAHA UNTUK MEMBANGUNKAN NEGARA DAN MENJADIKANNYA SEBAGAI NIC YANG KELIMA. -- LAGI

1324MST 16 04 88

D158

U B185 AAB
MAHATHIR - ANGKARA 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, NEGARA MESTI TENTERAM DAN PARA PEKERJA PULA TIDAK MEMBANGKITKAN MASALAH KEPADA PERUSAHAAN NEGARA JIKA IA (NEGARA) BERCITA-CITA UNTUK MEWUJUDKAN PELUANG-PELUANG PEKERJAAN KEPADA RAKYATNYA.

+NEGARA KITA ADALAH NEGARA MEMBANGUN, MAKA RAKYATNYA TIDAK BOLEH MENGAMALKAN (TINDAKAN) SEPERTI DI NEGARA-NEGARA MAJU YANG MUNGKIN BOLEH MEMBANGKITKAN PERISTIWA-PERISTIWA TERTENTU,+ KATANYA.

BELIAU JUGA BERKATA, JIKA PEKERJA TERUS MEMBUAT ANGKARA HINGGA MENAKUT-NAKUTKAN PELABUR DARI DALAM DAN LUAR NEGERI, MAKA USAHA UNTUK MEWUJUDKAN PELUANG PEKERJAAN AKAN TERGENDALA.

+SEMENTARA BERBANGGA DENGAN PELUANG YANG TELAH KITA PEROLEHI, KITA HENDAKLAH INGAT TENTANG TANGGUNGJAWAB KITA KEPADA BELIA, TERUTAMANYA YANG MENGANGGUR, SUPAYA PELUANG MEREKA TIDAK TERJEJAS,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI TIDAK MENAMAKAN TINDAKAN ATAU KUMPULAN PEKERJA YANG DIMAKSUDKANNYA. BAGAIMANAPUN, PIHAK PEKERJA MAJLIS BERSAMA KEBANGSAAN BADAN-BADAN BERKANUN ADA MEMBUAT PIKET DI SELURUH NEGARA PADA 11 APRIL LEPAS BERHUBUNG DENGAN TUNTUTAN PELARASAN GAJI. -- LAGI

1411MST 16 04 88

D167

U B192 AAB
MAHATHIR - ANGKARA 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR SETERUSNYA MENYENTUH TENTANG PERANAN BELIA. KATANYA, MEREKA PERLU AKTIF DALAM PERGERAKAN BELIA ANTARABANGSA YANG AKAN MENDEDAHKAN MEREKA KEPADA PELBAGAI PENGALAMAN SERTA ASPEK HUBUNGAN ANTARABANGSA.

BELIAU MEMINTA MEREKA MENINGKATKAN USAHA DALAM MENGANJURKAN PELBAGAI AKTIVITI UNTUK PEMBANGUNAN NEGARA DAN RAKYAT.

BAGAIMANAPUN KATANYA, PARA BELIA PERLU SENTIASA BERHATI-HATI TERHADAP ELEMEN-ELEMEN NEGATIF YANG SENTIASA BERUSAHA UNTUK MENGAMBIL KESEMPATAN DALAM MEMPENGARUHI MEREKA.

+PARA BELIA HARUS SENTIASA BERUPAYA UNTUK MENGENALI MEREKA YANG BERHASRAT UNTUK MENGGUNAKAN MEREKA.

+MEREKA JUGA HARUS BERSEDIA UNTUK BEKERJA KERAS SERTA MENANAM, DALAM DIRI MEREKA NILAI-NILAI SUCI SUPAYA MEREKA AKAN MENJADI HARTA KEPADA MASYARAKAT DAN NEGARA,+ KATANYA. -- LAGI

1453MST 16 04 88

0168

U B193 AAB

MAHATHIR - ANGKARA 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR MENAMBAH KATA, MANUSIA SEKARANG HIDUP DALAM DUNIA YANG SERBA MENCABAR HINGGA BANYAK NEGARA YANG MENGALAMI GEJALA KEBULURAN, BUTA HURUF DAN PENGANGGURAN YANG TERUK.

KEADAAN BERTAMBAH BURUK APABILA NEGARA-NEGARA YANG KUAT KERAP CAMPUR TANGAN DALAM URUSAN POLITIK DAN EKONOMI NEGARA-NEGARA YANG KECIL DAN LEMAH TANPA MENGAMBILKIRA KEPENTINGAN KEAMANAN DAN KEHARMONIAN HIDUP NEGARA-NEGARA ITU.

OLEH ITU, KATANYA, NEGARA-NEGARA YANG MENYEDARI HAKIKAT ITU HARUS TERUS BERUSAHA MENYEBARKAN PEMIKIRAN SALING FAHAM-MEMAHAMI DAN KERJASAMA ANTARA PELBAGAI BANGSA DAN NEGARA.

+PELBAGAI LANGKAH BOLEH KITA PERTIMBANGKAN DAN SALAH SATU DARIPADANYA IALAH MENINGKATKAN KESEDARAN DAN SIKAP TOLERANSI DI KALANGAN BELIA KITA,+ KATANYA.

* SELARAS DENGAN ITU, KATANYA, MALAYSIA AKAN TERUS MENJALINKAN HUBUNGAN RAPAT DENGAN NEGARA-NEGARA LAIN YANG SAMA-SAMA MEMENTINGKAN HUBUNGAN SEDEMikian. -- LAGI

1455MST 16 04 88

0169

U B194 AAB

MAHATHIR - ANGKARA 5 KUALA LUMPUR

MENGENAI PUSAT BELIA ANTARABANGSA ITU, BELIAU BERHARAP IA AKAN DAPAT MENINGKATKAN KEMAMPUAN, DAYA USAHA DAN PENGALAMAN PARA BELIA NEGARA DAN NEGARA-NEGARA SAHABAT.

PUSAT BELIA ANTARABANGSA ITU, YANG BERTAMBAH KIRA-KIRA \$12.5 JUTA DAN DIDIRIKAN DI ATAS TANAH SELUAS 1.6 HEKTAR, MENGANDUNGI BLOK PENTADBIRAN (TIGA TINGKAT) SERTA BLOK REKREASI DAN ASRAMA (EMPAT TINGKAT).

ANTARA KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN DI PUSAT ITU IALAH ASRAMA YANG BOLEH MEMUATKAN 240 ORANG, DEWAN BERBAGUNA, JIMNASIUM, RESTORAN SERTA TUJUH RUANG KEDAI.

PENAUNG YAYASAN PENDIDIKAN KALIGRAFI JEPUN, ENCIK KAMPO HARADA, YANG TELAH MENYUMBANGKAN 1,000 JUTA YEN UNTUK PEMBINAAN PUSAT ITU, TURUT HADIR PADA MAJLIS PERASMIAN ITU. -- BERNAME

1456MST 16 04 88